

D674

U B639 BAH

MAHATHIR-NIAGA

KUALA LUMPUR, 14 DIS (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENASIHATI SYARIKAT-SYARIKAT PERNIAGAAN TEMPATAN AGAR KEMBALI KEPADA URUSNIAGA JUAL BELI ASAS IAITU MEMBUAT ATAU MEMBELI BARANGAN DENGAN HARGA YANG MURAH DAN MENJUALNYA SEMULA DENGAN HARGA YANG MAHAL.

KETIKA MERASMIKAN MESYUARAT AGUNG KETUJUH PERWAKILAN KOPERASI USAHA BERSATU (KUB) DI SINI, BELIAU BERKATA URUSNIAGA SEDEMIKIANLAH YANG BOLEH MEMBAWA KEJAYAAN DAN KEKAYAAN KEPADA SYARIKAT DAN ANGGOTA-ANGGOTANYA.

+ITULAH ASASNYA KEJAYAAN DAN KEKAYAAN SESUATU USAHA PERNIAGAAN YANG SEPATUTNYA DIAMALKAN KEMBALI OLEH SEMUA SYARIKAT PERNIAGAAN,+ UJARNYA.

KATANYA SIKAP SESETENGAH SYARIKAT YANG TERLALU SUKA KEPADA PERNIAGAAN JUAL BELI SAHAM DAN HARTA DALAM KEADAAN PASARAN SAHAM YANG MEROSOT SEKARANG AKAN HANYA MENDAPAT KERUGIAN.

PERDANA MENTERI BERKATA APA JUGA LANGKAH UNTUK MENDAPAT KEUNTUNGAN SECEPAT MUNGKIN TIDAK AKAN BERJAYA DALAM KEADAAN EKONOMI DUNIA YANG MELESET SEKARANG. -- LAGI

1348MST 14 12 85

D684

U B645 BAH

MAHATHIR-NIAGA 2 KUALA LUMPUR

KATA DATUK SERI DR MAHATHIR PEMBABITAN DALAM PASARAN SAHAM SEPERTI PASARAN SAHAM KUALA LUMPUR (KLSE) MUNGKIN MENGUNTUNG ORANG PERSEORANGAN ITU PUN KADANGKALA MERUGIKAN, MALAHAN BANYAK YANG JADI MISKIN, APABILA SAHAM SESEBUAH SYARIKAT TURUN DI BAWAH PARAS NILAI.

BELIAU MAHUKAN SYARIKAT ATAU KOPERASI PERNIAGAAN SERTA ANGGOTA-ANGGOTANYA BERSABAR DAN MENGIKAT PERUT SEDIKIT DALAM MENGHADAPI EKONOMI YANG TIDAK MENENTU SEKARANG, SEBALIKNYA MENUNGGU SEHINGGA KEADAAN PULIH SEBELUM BERUSAHA MELUASKAN BIDANG PERNIAGAAN ATAU Mencari keuntungan berlebihan.

YANG PENTING DILAKUKAN SEKARANG IALAH MENERJAKAN SEGALA RANCANGAN YANG SEDIA ADA ATAU MEMPERKUKUHKAN PROJEK YANG SEDANG DILAKSANAKAN BAGI MENJAMIN PERJALANAN SYARIKAT TIDAK TERSEKAT, KATANYA.

PERDANA MENTERI JUGA MAHUKAN SYARIKAT-SYARIKAT TERMASUK KUB MENJALANKAN SEGALA URUSNIAGA DENGAN TERTIB DAN MENGAMALKAN SELOK-BELOK PERNIAGAAN YANG CERMAT AGAR SYARIKAT TIDAK KEHABISAN MODAL SEBALIKNYA MEMPEROLEHI KEUNTUNGAN YANG BESAR.

MENGENAI KUB, BELIAU BERKATA IA PERLU MENUNJUKKAN KEJAYAAN DAN KEMAJUAN DALAM URUSAN-URUSAN PERNIAGAANNYA JIKA INGINKAN LEBIH BANYAK RAKYAT MENJADI ANGGOTA SYARIKAT. -- LAGI.

1408MST 14 12 85

D699

U 8655 BAH

MAHATHIR-NIAGA 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENASIHATI KUB, YANG MERUPAKAN SALAH SEBUAH SYARIKAT UMNO, AGAR TIDAK TERLALU BERGANTUNG KEPADA KUASA POLITIK SEBALIKNYA HENDAKLAH MEMPUNYAI KEKUKUHAN PELABURAN BERBENTUK WANG, TENAGA, MASA DAN KEPINTARAN.

BELIAU GEMBIRA KERANA KEANGGOTAAN KUB BERTAMBAH BANYAK YANG MENUNJUKKAN BILANGAN ORANG MELAYU YANG BERMINAT DALAM BIDANG PERNIAGAAN MENINGKAT DENGAN PESATNYA.

PENGERUSI KUB, DATUK HAJI HARUN IDRIS BERKATA KUB KINI MEMPUNYAI HARTA BERHARGA \$26.5 JUTA YANG NILAIANNYA DALAM PASARAN TERBUKA PADA SEPTEMBER TAHUN INI BERNILAI \$338.3 JUTA.

SAMBIL MENYEBUT KUB KINI KUKUH DAN TEGUH SELEPAS MERINTANGI GELOMBANG DAN PUTING BELIONG SEJAK PENUBUHANNYA TUJUH TAHUN LALU, BELIAU BAGAIMANAPUN KESAL KERANA USAHA KUB UNTUK MEMBELI BAKI SAHAM KWONG YIK BANK SEJAK SETAHUN LALU MASIH BELUM BERJAYA.

BELIAU KEMUDIAN MENGUMUMKAN BAHAWA KUB DENGAN KERJASAMA SEBUAH LAGI ANAK SYARIKAT UMNO, KUBB, AKAN MELANCARKAN SATU SKIM PINJAMAN UNTUK MEMBOLEHKAN PARA ANGGOTA MEMBELI SAHAM ASN.

MELALUI SKIM ITU, KATANYA, SETIAP ANGGOTA YANG MENYIMPAN \$500 DALAM KUB AKAN DIBERI PINJAMAN UNTUK MEMBELI 5,000 UNIT ASN DAN SIMPANAN \$1,000 UNTUK MEMBELI 10,000 UNIT. -- BERNAMA

1434MST 14 12 85